

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 11/1979**

=====

**KAEDAH PEMBAYARAN TANAH DAN RUMAH
BAGI RANCANGAN PERUMAHAN MURAH
KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dalam mesyuarat pada 19 Julai, 1979 telahpun meluluskan kaedah-kaedah pembayaran tanah dan rumah di rancangan perumahan murah Negeri Selangor seperti berikut di bawah ini:

1.1. KAEDAH BAYARAN PREMIUM TANAH :

1.1.1. Bagi Tapak-Tapak Di atas Tanah Kerajaan

Bagi rancangan-ancangan rumah-rumah murah dimana tanahnya adalah tanah Kerajaan, kaedah bayaran premiumnya adalah mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Peraturan Tanah Negeri Selangor 1966.

1.1.2. Bagi Tapak-Tapak Di atas Tanah Yang Diambil Balik

Bagi rancangan rumah murah dimana tapak tanahnya diambil balik oleh Kerajaan, bayaran premium adalah:

$$\text{Premium} = \frac{\text{Pampasan}}{\text{Unit rumah} \times \text{luas tapak rumah}}$$

$$\text{Premium} = \frac{\text{Pampasan} \times \text{L.T.T.Rumah}}{\text{L.Tanah (keseluruhan)}}$$

1.2. KAEDAH PEMBAYARAN RUMAH DAN TANAH:

1.2.1. Pembayaran sekaligus:

Jika pemohon-pemohon yang berjaya ingin membayar sekaligus pemohon hendaklah membayar:

- (a) Bayaran permohonan tanah, premium, cukai tahunan, upah sukat, batu sempadan, pelan hakmilik, pendaftaran hakmilik sementara dan pendaftaran hakmilik tetap.
- (b) Bayaran harga rumah dan 50% bayaran infrastruktur dengan tidak dikenakan faedah, bayaran insuran api dan bayaran pentadbiran.

1.2.2. **Pembayaran cara ansuran:**

Jika pemohon yang berjaya ingin membayar secara ansuran, pemohon hendaklah:-

- (a) Membayar bayaran permohonan tanah, cukai tahunan, cukai parit, upah sukat, batu sempadan, pelan hakmilik, pendaftaran hakmilik sementara dan pendaftaran hakmilik tetap sekaligus.

Batal

- (b) Samada membayar bayaran premium sekaligus atau jika tidak mampu, mereka bolehlah memilih. 'Bayaran Tahunan' menggantikan premium seperti di Seksyen 11 Peraturan Tanah Negeri Selangor 1966.

Batal

- (c) Membayar harga rumah dan infrastruktur secara beransur.

KADAR DAN KIRAAN HARGA RUMAH, INFRASTRUKTUR BAYARAN PENTADBIRAN DAN INSURAN API

(i)	Bayaran harga	RMX (harga sebenar)
(ii)	Bayaran infrastruktur	RMX (harga sebenar)
(iii)	Jumlah harga rumah dan infrastruktur	RM X + RM Y
(iv)	Ditolak 50% dari harga infrastruktur	RM Y - 50% -2
(v)	Harga rumah dan 50% harga infrastruktur dikutip cara beransur tiap-tiap bulan selama (*) tahun dengan faedah 5.5% setahun	
(vi)	Bayaran Pendaftaran	20 sen selot sebulan
(vii)	Insuran api	50 sen selot (mengikut kadar yang ditetapkan dari satu masa ke satu masa)

- (d) Surat Hakmilik Sementara hendaklah dicagarkan kepada Kerajaan Negeri Selangor sehingga semua hutang habis dijelaskan oleh Kerajaan.

2. Pemungut-Pemungut Hasil Tanah hendaklah patuh dengan Pekeliling ini. Dengan ini Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.1/1978 adalah dibatalkan.

T.T
(DATUK RAJA BRIMA SULONG B. RAJA ROME)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL.1082(56)

Shah Alam.
15 November, 1979.